

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING [PENAMPANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan segera Kerajaan menangani masalah kemiskinan rakyat Sabah kerana menurut Laporan Pendapatan Isi Rumah Dan Kejadian Kemiskinan Malaysia 2020 oleh Jabatan Statistik, Sabah mencatatkan kadar 25.3% kemiskinan mutlak yang tertinggi di Malaysia dan Buku RMK-12 menunjukkan 8 dari 10 daerah termiskin di Malaysia adalah di Sabah.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Penampang, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), 2021-2025 akan memberi tumpuan kepada memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak agar jurang pembangunan dengan negeri-negeri lain dapat dikurangkan. Keutamaan akan diberi untuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkatkan pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri.

2. Di samping itu, Kerajaan juga akan mengoptimumkan potensi ekonomi di Sabah terutamanya dalam memperkukuh akses pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) kepada pembiayaan, memperkukuhkan aktiviti berasaskan sumber, memudah cara perniagaan dan meningkatkan akses pasaran PMKS. Pelaksanaan langkah ini dijangka dapat mengurangkan jurang pembangunan sosioekonomi antara negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

3. Di bawah Koridor Ekonomi Wilayah Sabah, Pihak Berkuasa Pembangunan dan Pelaburan Sabah (SEDIA) akan memberi tumpuan kepada enam bidang utama iaitu minyak, gas dan tenaga, pelancongan, minyak sawit, pembuatan dan logistik, pertanian serta pendidikan. Penglibatan komuniti setempat akan digalakkan bagi mempromosi aktiviti pelancongan di Sabah. Pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan logistik akan memberi tumpuan kepada aktiviti hiliran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Rangka Tindakan SDC, 2008-2025 yang sedang disemak semula oleh SEDIA akan dijangka dengan dasar dan strategi pada peringkat nasional dan negeri. Semakan semula yang akan dimuktamadkan pada tahun 2021 ini akan menyediakan pendekatan pembangunan yang lebih strategik, terutama dalam menarik pelaburan

## SOALAN NO : 31

berkualiti bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan di wilayah ini.

4. Usaha akan diperkukuh dalam pembangunan sosioekonomi di Sabah, termasuk menangani kemiskinan dan mempelbagaikan sumber pendapatan serta meningkatkan kesejahteraan rakyat bagi Anak Negeri Sabah khususnya di daerah termiskin. Sumber pendapatan isi rumah miskin akan ditingkat dan dipelbagaikan melalui penglibatan dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pembangunan modal insan dan keusahawanan. Sumber semula jadi dan budaya tempatan akan dimanfaatkan dalam mengkomersialkan produk tempatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi termasuk industri pertanian, akuakultur, ekopelancongan serta menceburi seni dan kraf.

5. Secara khususnya, Program Khas Anak Negeri Sabah dijangka dapat meningkatkan kebolehpasaran dan pendapatan, menggalakkan keusahawanan serta memudah cara pembangunan tanah adat (NCR). Program dan projek yang dirancang akan memberi fokus kepada pembangunan masyarakat Bumiputera di Sabah terutamanya berkaitan pendidikan, keusahawanan, hak tanah dan mahkamah adat.

6. Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri akan memainkan peranan bagi memperkukuh kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar. Kerajaan yakin melalui pendekatan keseluruhan negara (*whole of nation approach*) antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, maka sektor swasta, pertubuhan berasaskan komuniti dan masyarakat, usaha pembasmian kemiskinan terutama kemiskinan tegar akan dimantapkan untuk memastikan tiada siapa Keluarga Malaysia di Sabah yang tertinggal.

Sekian, terima kasih.